

MARTABATKAN KEDUDUKAN, PERANAN ZAKAT



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (kanan) semasa ucapan perasmian Persidangan Antarabangsa Pendidikan Fiqh Al-Zakat (PAPFIZ).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BRUNEI
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYCE 2021

BERAKAS, Sabtu, 5 Jun. - Sebanyak 27 Kertas Kerja, termasuk tiga Kertas Perdana, tiga Kertas Utama dan 21 Kertas Kerja akan dibentangkan oleh pembentang jemputan dari dalam dan luar negara semasa dua hari berlangsungnya Persidangan Antarabangsa Pendidikan Fiqh Al-Zakat (PAPFIZ) di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas bermula hari ini dan 7 Jun 2021.

Persidangan yang membawa tema 'Memperkasakan Sosioekonomi Umat Islam Melalui Zakat' itu dianjurkan bersama oleh Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri

Begawan (KUPU SB) dan Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan merupakan salah satu pengisian dalam Brunei Mid-Year Conference and Exhibition (MYCE) yang bertujuan untuk pengetahuan dan meningkatkan aktiviti-aktiviti perniagaan yang menyumbang pada perkembangan ekonomi negara.

Hadir menyempurnakan pembukaan rasmi persidangan ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Dalam ucapan alu-aluan Pengarah Pusat Ilmu Teras KUPU SB, Dr. Awang Haji Noralizam bin Haji Aliakbar selaku Pengerusi Bersama PAPFIZ 2021 menjelaskan, bahawa zakat sebagai Rukun Islam merupakan kewajiban setiap Muslim yang

mampu untuk membayarnya dan diperuntukkan bagi mereka yang berhak menerimanya.

Jelasnya, dengan pengelolaan yang baik zakat merupakan sumber ekonomi *potential* yang dimanfaatkan untuk memajukan kesejahteraan umum bagi seluruh masyarakat. Zakat juga memiliki hubungan yang erat dan berkaitan dengan masalah bidang sosial dan ekonomi.

Hal ini, ujarnya, kerana zakat bertindak sebagai alat yang diberikan agama kita Islam untuk menghapuskan kemiskinan dari masyarakat dengan menyedarkan golongan yang mampu akan tanggungjawab sosial yang mereka miliki. Fungsi dan manfaat zakat sendiri dalam bidang ekonomi adalah dapat mencegah penumpukan kekayaan dalam tangan seorang.

Menurutnya lagi, persidangan yang diadakan merupakan satu wadah perbincangan ilmiah di antara cendekiawan Islam, pemikir Islam, penyelidik Islam, pembuat dasar, pakar, pengamal yang aktif dan ahli akademik dari dalam juga luar negara yang berhubung kait dengan zakat. Ia juga merupakan platform untuk penyebaran ilmu dan pertukaran maklumat / pengalaman untuk diaplikasikan dalam pembangunan ekonomi Islam melalui zakat.

Majlis Pembukaan Rasmi PAPFIZ 2021, seterusnya memperdengarkan pembentangan Kertas Perdana I, disampaikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, dengan membawa tajuk 'Memperkasakan Sosioekonomi Umat Islam Melalui Zakat'.

ANTARA yang hadir pada persidangan berkenaan.

PAPFIZ 2021 menentang para pembentang Kertas Perdana, terdiri daripada Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom; Mufti Wilayah Persekutuan Malaysia, Yang Berbahagia Sahibus Samahah Datuk Dr. Luqman bin Abdullah dan Ahli Majlis Ugama Islam, Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Baki.

Manakala pembentangan Kertas Utama pula akan disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop; Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Hajah Mas Nooraini binti Haji Mohiddin dan Timbalan Mufti Selangor Malaysia, Yang Berbahagia Sahibus Samahah Dato' Dr. Haji Anhar bin Haji Opir.

Sementara itu, pembentangan Kertas Kerja akan disampaikan oleh para akademik daripada KUPU SB, UNISSA, Universiti Tun

Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Islam Malang (UNISMA) dan Prince of Songkhlang, Thailand.

Antara objektif persidangan adalah untuk memperkasakan dan memartabatkan kedudukan zakat di peringkat tempatan, negara juga global; mengenal pasti isu-isu dan mengemukakan solusi terhadap isu-isu yang berkaitan dengan zakat; mempertingkatkan pengurusan zakat, di samping mengoptimalkan peranan zakat dalam pembangunan ekonomi ummah.

Pada masa yang sama, ia juga dihasrat bagi membincangkan hasil-hasil penyelidikan yang berhubung kait dengan zakat; menentang ideologi secara perbandingan bagi membuktikan Islam adalah cara hidup yang sempurna yang meliputi semua aspek dan mampu menjelaskan isu-isu berkaitan dengan ekonomi Islam dari sudut syariah yang berkaitan dengan zakat.



Lestarikan pembangunan ummah



>> Muka 1

Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom berkata, zakat yang merupakan salah satu Rukun Islam yang lima juga merupakan sumber kewangan yang boleh membantu para penerimanya memenuhi keperluan hidup, meningkatkan kebajikan mereka dan merapatkan jurang perbezaan kehidupan dalam masyarakat.

Menurut Yang Mulia Pengiran Dato, zakat berperanan penting dalam kehidupan masyarakat Islam dan ia mempunyai tujuan juga hikmah dalam membantu umat Islam yang berhak menerimanya, seperti fakir dan miskin bagi meringankan beban kehidupan mereka dan

YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyampaikan pembentangan Kertas Perdana bertajuk 'Memperkasakan Sosioekonomi Umat Islam Melalui Zakat'.

merapatkan jurang kehidupan di antara anggota masyarakat.

Tabiat berzakat, tambahnya, akan membiasakan pengeluarannya bersifat pemurah dan mulia juga dapat mencabut akar-akar kedekut dan faktor-faktor bakhil pada dirinya, selain zakat mampu menguatkan ikatan persaudaraan dan kasih sayang di antara satu sama lain.

Di samping itu, tambahnya lagi, zakat memelihara dan boleh menjamin kecukupan hidup untuk setiap individu masyarakat; menghapuskan pengangguran dan satu-satunya jalan untuk membersihkan hati daripada dengki, hasad dan iri hati.

Dari segi pembangunan ekonomi dan sosial, zakat memainkan peranan besar dalam membantu masyarakat Islam membasmi masalah kemiskinan. Ini kerana kemiskinan merupakan salah satu daripada tiga serangkai penghancur, iaitu kejahilan,

kemiskinan dan penyakit.

"Dalam mengagihkan dana zakat, pihak berwajib wajar merancang dengan teliti dan sistematik agar kesan positif yang optimum mampu dihasilkan. Golongan penerima zakat hendaklah diselesaikan keperluan asasinya agar akhirnya mereka mampu keluar daripada golongan penerima zakat dan seterusnya berupaya menjadi penyumbang atau pemberi zakat pada masa akan datang dan keadilan sosial dapat diwujudkan dalam masyarakat sejagat," ujar Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Sementara itu, dari segi aspek sosial tambahnya, pengurusan zakat jelas membantu dalam memenuhi keperluan hidup fakir miskin yang merupakan kelompok majoriti sebahagian besar negara di dunia. Meningkatkan kebajikan masyarakat yang terdapat jurang perbezaan di antara golongan kaya dan golongan miskin.

"Zakat yang telah dikumpul digunakan untuk membantu ahli masyarakat yang kurang berupaya. Dengan ini, zakat dapat membentuk sebuah masyarakat yang saling bekerjasama dan prihatin terhadap penderitaan yang dialami oleh anggota masyarakat lain. Zakat bertindak sebagai tabung simpanan," terangnya.

Zakat itu, bukan sekadar penyucian dan pembersihan semata-mata, bahkan ia meliputi pembentukan umat Islam dari

■ PENGURUSAN zakat yang berkesan dan efisien boleh mewujudkan keadilan sosial dan membantu ahli masyarakat yang kurang berupaya serta membentuk sebuah masyarakat yang saling memedulikan, bekerjasama dan prihatin di antara satu sama lain.

■ SETIAP negara yang melaksanakan kutipan dan agihan zakat itu telah menggunakan pelbagai pendekatan, namun apa yang penting ialah objektif dan tujuan adalah sama iaitu bagi melestarikan pembangunan ummah dari aspek kerohanian, kesihatan, ekonomi dan lain-lain.

aspek rohani, sosial, ekonomi dan lain-lain. Ekonomi adalah antara satu bidang yang diberi penekanan, terutama bila ia terkait dengan hal ehwal masyarakat Islam dan zakat adalah satu instrumen untuk meningkatkan ekonomi ummah.



ANTARA yang hadir pada persidangan tersebut.